

12 AUG 2000

Mahathir-Abu Hassan

DR MAHATHIR KATA ISU PELETAKAN ABU HASSAN SELESAI

LANGKAWI, 12 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata isu peletakan jawatan Datuk Seri Abu Hassan Omar sebagai Menteri Besar Selangor dianggap selesai kerana ia bersifat peribadi.

"Kita close (tutup) sudahlah, melainkan ada orang yang sengaja nak cari...entahlah," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melawat perkampungan kristal dan Limbungan Kering Rebak Marina Resort di sini hari ini.

Menjawab soalan sama ada Abu Hassan perlu diminta menjalani ujian DNA bagi membersihkan namanya, Dr Mahathir berkata: "Masalahnya bukan soal parti nak pi kaji selidik benda itu. Soalnya dia nak berhenti, hentilah."

Dr Mahathir berkata pilihan raya juga tidak perlu diadakan untuk mencari pengganti Abu Hassan kerana beliau hanya berhenti menjadi Menteri Besar bukan sebagai anggota Dewan Undangan Negeri.

Mengenai senarai nama calon pengganti, beliau berkata perkara itu belum diputuskan "tapi tengoklah dalam masa terdekat."

Mengenai projek limbungan kering itu, Dr Mahathir berkata ia ternyata berpotensi berdasarkan keupayaannya menyediakan kemudahan senggaraan kepada kapal layar.

Ia mampu menampung 70 kapal layar pada satu-satu masa.

Dr Mahathir berkata walaupun negara ini agak lewat menyediakan limbungan itu tetapi setelah beroperasi lima bulan yang lepas ia menunjukkan industri itu mempunyai potensi.

Mengenai bidang peruncitan elektronik, beliau berkata konsep itu adalah cadangan yang baik dan berharap ia menjadi kenyataan.

"Apa jua bentuk perniagaan baru pasti membawa faedah kepada rakyat kerana dapat memberi peluang kerja dan berniaga selain menjana ekonomi," katanya.

Pagi tadi, Dr Mahathir meninjau perkembangan projek limbungan itu, yang merupakan satu kemudahan darat untuk menyenggara kapal riadah dan layar.

Beliau juga mendengar taklimat daripada Dennis Hayes, pengarah urusan Asiantek Retail Management and Consultancy, mengenai bidang peruncitan elektronik.

-- BERNAMA

NH MAI